

UCAPAN PERDANA MENTERI DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 17HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Dengan izin tuan, saya suka membuat satu kenyataan mengenai lawatan rasmi saya ke negara Republik Rakyat Cina (RRC) baru-baru ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat Cina dari 28hb Mei hingga 2hb Jun, 1974, atas undangan Perdana Menteri Chou En-lai. Satu Kenyataan Bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Cina telah ditandatangani di Peking pada 31hb Mei, 1974, iaitu pada akhir lawatan saya ke Peking dan dikeluarkan serentak di Kuala Lumpur dan di Peking pada hari tersebut. Isi kandungan Kenyataan Bersama itu telah disiarkan sepenuhnya dan dalam kenyataan ini, saya akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai beberapa issue yang terkandung dalam Kenyataan Bersama itu.

Semasa saya berada di RRC, saya telah dapat menemui serta bertukar-tukar fikiran dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-Nien dan juga pemimpin-pemimpin China yang lain. Perbincangan-perbincangan telah dijalankan dalam suasana persahabatan dan terus terang dan pada hemat saya, perbincangan-perbincangan itu telah menolong kedua-dua pihak menerima dan lebih memahami dasar-dasar dan pendirian masing-masing dalam satu-satu perkara. Memang terdapat hasrat dan kejujuran kedua-dua pihak Malaysia dan RRC hendak menjalin perhubungan persahabatan, muhibbah dan persefahaman berasaskan dasar hormat-menghormati serta tidak campur tangan dan saya tidak syak lagi lawatan saya itu telah memberikan sumbangan yang besar ke arah ini.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam rangka lawatan saya itu, saya telah melawat beberapa tempat bersejarah yang penting seperti Tembok Besar, Makam Maharaja Ming, Muzium Istana Maharaja serta lain-lain institusi penting seperti Perkampungan (Commune), Universiti dan Pamiran

Perindustrian. Di mana-mana jua saya pergi, saya dan rombongan telah diberi sambutan yang sangat meriah dan penuh kemesraan. Saya percaya ini merupakan satu penghormatan kepada negara kita serta membuktikan hasrat sebenar rakyat dan Kerajaan Cina hendak menjalin perhubungan persahabatan yang berkekalan dengan kita.

Sepanjang masa kami berada di R R C, kami telah diberi layanan yang baik dan semuanya ini dilakukan untuk kesenangan dan kesejahteraan rombongan Malaysia. Saya ingin menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan R R C atas layanan baik itu dan lain-lain usaha yang mereka jalankan untuk menjadikan lawatan itu sungguh berhasil dan sangat menyenangkan.

Sebagaimana kita semua maklum, Kenyataan Bersama 31hb Mei yang dengan rasmi memetrikkan perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina itu telah menyentuh beberapa prinsip mengenai perhubungan persahabatan Malaysia-Republik Rakyat Cina. Prinsip-prinsip ini adalah besar maknanya kepada kita di masa hadapan.

Dalam perbincangan-perbincangan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai dan Naib Perdana Menteri Li Hsien Nien serta pemimpin-pemimpin Cina yang lain, saya telah diberi keyakinan yang tegas bahawa R R C mensifatkan saki-baki penganas dalam negara kita sebagai masalah dalam negeri kita sendiri dan terpulanglah kepada kita untuk mengambil tindakan yang kita fikirkan munasabah. Ini adalah sejajar dengan kelima-lima prinsip hidup bersama dengan aman damai sebagaimana yang tertera dalam Kenyataan Bersama, iaitu hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah negara masing-masing, tidak ceroboh-mencerobohi antara satu sama lain dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, persamaan taraf serta kepentingan bersama dan hidup bersama dengan aman damai. Di samping itu, Republik Rakyat Cina bersama-sama dengan kita telah dengan tegas menyatakan penentangan terhadap pencerobohan, campur-tangan, penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing dan mengakui bahawa sistem sosial dalam sesebuah negara adalah hak mutlak rakyat negara tersebut memilih dan menentukannya. Semuanya ini adalah hakikat yang harus diterima oleh penganas-penganas sekarang.

Sistem sosial dalam negara ini telah dipilih dengan bebas oleh rakyat kita sendiri. Sebaliknya pula penganas-penganas cuba

memaksakan satu sistem yang bertentangan dengan ideologi kebangsaan kita iaitu Rukunegara. Pegganas-pegganas juga cuba dengan cara kekerasan hendak menggulingkan Kerajaan yang sah dan dipilih oleh rakyat secara demokrasi, yang diakui oleh semua negara di dunia termasuklah oleh Republik Rakyat Cina sendiri.

Pegganas-pegganas sekarang ini mestilah menghadapi kenyataan dan menyedari bahawa perjuangan mereka adalah hampa dan sia-sia sahaja. Mereka tidak mempunyai alasan lagi untuk meneruskan perjuangan dan melakukan pembunuhan kejam ke atas rakyat yang tidak berdosa. Dalam kenyataan-kenyataan saya sejak saya pulang dari lawatan ke Peking, saya telah menarik perhatian mengenai perkara-perkara ini dan menggesa pegganas-pegganas supaya meletakkan senjata, menghentikan perjuangan dan kembali ke pangkuan masyarakat. Saya suka mengulangi di sini seruan saya itu.

Selanjutnya saya suka menyentuh mengenai masalah Taiwan. Kenyataan Bersama Peking pada 31hb Mei menegaskan lagi pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Republik Rakyat Cina sebagai Kerajaan yang tunggal dan sah bagi negeri Cina dan Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat Cina. Ini memanglah pendirian kita selama ini. Sungguhpun kita mempunyai perhubungan konsul dengan Taiwan sejak tahun 1965, kita sentiasa menjelaskan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai pengiktirafan kita kepada Kerajaan Taiwan.

Sesuai dengan taraf baru kita dengan Republik Rakyat Cina, Pejabat Konsul kita di Taiwan dan Pejabat Konsul Besar Taiwan dan lain-lain agensi Kerajaan Taiwan di Kuala Lumpur telahpun diutup. Mulai tarikh itu, perhubungan kita dengan Taiwan adalah terhad kepada perhubungan rakyat dengan rakyat dan atas asas keadaan setempat. Ini bermakna tidak ada halangan bagi rakyat Malaysia secara perseorangan melawat Taiwan, menjalankan urusan persendirian, berdagang dan sebagainya atau menjalankan lain-lain urusan perniagaan biasa.

Tuan Yang Dipertua.

Satu perkara yang penting bagi rakyat Malaysia hasil dari lawatan saya ke Republik Rakyat Cina ialah mengenai kedudukan orang-orang keturunan Cina di Malaysia.

Dalam bidang lawatan saya itu, saya telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin Cina mengenai rakyat berbilang kaum yang

tinggal di Malaysia dan usaha-usaha kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dari rakyat yang berbilang kaum ini. Pemimpin-pemimpin Cina telah menunjukkan simpati dan persefahaman terhadap matalamat kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dan telah menekankan dengan tegasnya pandangan mereka bahawa kedudukan masa depan orang-orang Cina Seberang Laut adalah ditentukan oleh Kerajaan dan rakyat negara yang mereka diami; bahawa mereka hendaklah mematuhi undang-undang; mereka hendaklah mengikuti adat resam negara yang mereka diami, dan mereka hendaklah menganggap diri mereka sebagai sebahagian dari masyarakat tempatan dan bukan terpisah darinya. Nasihat ini seharusnya diingati oleh semua orang-orang keturunan Cina di Malaysia ini.

Sebagaimana yang dijelaskan dalam Kenyataan Bersama itu, kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Cina tidak mengiktiraf dua kerakyatan. Ini bermakna bahawa orang-orang keturunan Cina yang telah mengambil atau mendapat kerakyatan Malaysia dengan secara automatik tidak lagi menjadi rakyat Cina dan Kerajaan R R C tidak mempunyai apa-apa hak terhadap mereka itu. Bagi orang-orang keturunan Cina yang lain yang telah bermastautin di Malaysia, yang tidak menjadi rakyat Malaysia atau rakyat negeri ketiga, kita telah bersetuju bahawa jika mereka ingin terus dianggap sebagai rakyat Republik Rakyat Cina, kita akan iktiraf mereka sebagai rakyat R R C dengan syarat mereka mempunyai dokumen-dokumen dari Kerajaan R R C yang menunjukkan mereka itu rakyat negara tersebut.

Kita juga telah menentukan bahawa mengikut undang-undang yang ada sekarang dan untuk mengurangkan sebarang kesusahan dan kesukaran, mereka yang telah bermastautin di Malaysia yang tidak mendapat kerakyatan Malaysia, boleh terus tinggal di negeri ini seperti di masa-masa lalu. Perbincangan lanjut akan diadakan selepas kedua-dua negara menubuhkan kedutaan masing-masing bagi menyelesaikan masalah kewarganegaraan orang-orang yang terlibat ini. Perkara ini merupakan butir-butir pentadbiran sahaja dan saya tidak menjangka akan menimbulkan kerumitan atau memakan masa yang lama.

Tuan Yang Dipertua.

Memandang kepada pentingnya lawatan saya ke negara R R C itu, saya berpendapat adalah wajar bagi saya membuat kenyataan

ini di Dewan yang mulai ini. Saya percaya tidak syak lagi lawatan tersebut telah berjaya meliputi prinsip-prinsip perkecualian dan persahabatan yang boleh memandu dasar luar kita dan usaha mewujudkan perhubungan baru dan penting antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina.



**Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan pembukaan "Rumah Sembelih Pusat"
di Shah Alam, Selangor pada 18hb Julai, 1974.**

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)